

Penggunaan Nama Buah-Buahan Di Negara Brunei Darussalam

**Dr. Haji Serudin bin Datu Setiawan Haji Tinggal
Universiti Brunei Darussalam
Brunei Darussalam**

Abstrak

Buah-buahan memainkan peranan penting dalam kehidupan orang Brunei terutama dalam aspek sosiobudaya dan ekonomi. Terdapat beberapa nama atau istilah tempatan yang diberikan untuk buah-buahan mengikut puak-puak yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Terdapat persamaan dan perbezaan nama buah-buahan dalam bahasa Brunei dengan nama buah-buahan di negara Malaysia dan Indonesia.

Perbezaan nama buah-buahan tropika perlu diperkemaskan menjadi nama yang boleh difahami oleh semua penduduk di Kepulauan Melayu supaya dapat diwarisi oleh generasi baru dan masyarakat antarabangsa.

Ketidakteraturan nama buah-buahan dalam bahasa Melayu menyebabkan kesukaran dalam mengenal pasti buah-buahan di negara masing-masing. Usaha mencari nama buah-buahan yang betul dan dipersetujui oleh semua pakar bahasa, taksonomi botani amatlah sukar hingga timbul krisis ilmu bidang buah-buahan. Adalah dicadangkan semua nama buah-buahan dalam bahasa Melayu yang sudah terpilih dan dijadikan bahan pendidikan untuk masyarakat terutama sekali di kalangan generasi muda. Usaha ke arah persetujuan memilih nama buah-buahan yang sama di negara masing-masing hendaklah dipertingkatkan supaya dapat memperkayakan lagi khazanah bahasa Melayu.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam bukan sahaja dianugerahi oleh Allah s.w.t. dengan kekayaan minyak dan gas asli tetapi juga dengan pelbagai jenis tumbuhan dan buah-buahan.

Pulau-pulau di Selatan Timur Malaysia dan Negara Brunei Darussalam, yang kebanyakan penduduknya berbahasa Melayu, (Weevers-Carter 1984) mempunyai iklim khatulistiwa yang sangat sesuai untuk pertumbuhan pelbagai jenis buah-buahan tropika.

Buah-buahan tropika yang sudah menjadi sumber makanan memainkan peranan penting dalam kehidupan sosiobudaya dan ekonomi penduduk di kawasan ini. Pelbagai pokok tumbuh semula jadi di hutan belantara dan sengaja ditanam di kawasan rumah sebagai perhiasan dan perlindungan di samping menjadi sumber makanan terutama di musim buah. Ada juga negara yang sudah mengusahakan penamaan buah-buahan yang mempunyai potensi sebagai komoditi komersial, misalnya buah durian.

Pentingnya buah-buahan sebagai sumber makanan dan juga ubat-ubatan (Sahadevane tal. 1991) untuk penduduk di pulau-pulau ini tidak dapat dipersoalkan dan tidak hairanlah nama buah-buahan tersebut disesuaikan dengan istilah tempatan bagi menonjolkan identiti buah-buahan itu dan demi kepentingan pemasaran. (Jadual 1 menunjukkan nama buah-buahan yang ada di Indonesia, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam). Terdapat nama buah-buahan yang berlainan walaupun dari jenis rumpun atau keluarga yang sama. (Jadual 2 disenaraikan nama buah-buahan dalam dialek atau loghat puak-puak di Brunei).

Perbezaan dan persamaan nama buah-buahan, mengikut puak bangsa Brunei, mungkin timbul daripada bunyi sebutan yang berlainan. Timbulnya nama buah-buahan yang tidak seragam mungkin memberi kemudahan kepada puak ini mengenai jenis buah-buahan dan penjualnya termasuk juga jenis makanan yang diperbuat daripada buah-buahan tersebut. Nama buah-buahan itu sudah diwarisi turun temurun oleh puak bangsa itu sendiri.

Ahli-ahli sains Barat dan pengembara di kawasan tropika cuba atau hanya mengenali buah-buahan tropika dengan menggunakan nama-nama saintifik. Sejauh ini, nama buah-buahan tempatan dikenali oleh masyarakat antarabangsa disebabkan kepopularannya di pasaran dunia, misalnya buah durian dan rambutan. "Durian" berasal dari perkataan 'duri' dan 'hutan'. Dua perkataan tersebut digabungkan menjadi 'durian'. Begitu juga buah rambutan berasal dari cantuman perkataan 'rambut' dan 'hutan' kerana keadaan kulit dan tempat tumbuhnya iaitu di hutan. Perkataan 'durian' dan 'rambutan' telah menjadi

sebahagian daripada kosa kata dalam bahasa lain terutama bahasa Inggeris. Durian dipercayai berasal dari Kepulauan Borneo (Kwee Sijam, 1990) dan terkenal sebagai 'Raja' buah-buahan tropika serta memainkan peranan dalam bidang industri pertanian dan industri pemakanan seperti yang dilakukan di Malaysia dan Thailand.

Ketidakteraturan nama buah-buahan tempatan mungkin menimbulkan sedikit masalah, terutama jika ada penemuan-penemuan baru. Buah-buahan tropika semakin terkenal dan kehendak pasaran dunia semakin bertambah (Zainal Abidin, 1990) maka adalah mustahak dilaksanakan cara untuk mengemaskinkan nama buah-buahan tersebut, (rujuk Jadual 1 dan 2) bagi membolehkan penghuni di kepulauan ini cepat mengenali serta memudahkan ahli atau pakar bidang berkenaan membuat penyelidikan saintifik. Walaupun ahli-ahli sains barat berusaha membuat satu sistem penyenaian istilah saintifik nama buah-buahan tempatan bagi memantapkan nama spesis dan bidang botani untuk pengenalan buah-buahan, misalnya Durian - *Durio species* dan jenis Rambutan - *Nephelium species*, tetapi masih lagi menghadapi beberapa masalah identiti. Mereka tidak ada pilihan lain tetapi terpaksa menggunakan nama-nama tempatan yang sudah ada. Kesukaran mencari nama yang betul dan dipersetujui oleh semua pakar bahasa dan taksonomi botani boleh menimbulkan krisis kefahaman ilmu di bidang berkenaan di kalangan mereka.

Sama ada disedari atau tidak, kebanyakan penerbitan dalam bidang pertanian terutama sekali nama buah-buahan sering menimbulkan kekeliruan. sebagai saranan nama buah-buahan dalam bahasa Melayu yang telah lazim hendaklah digunakan secara meluas supaya bahasa Melayu berkemampuan menembusi bidang ilmu, terutama bagi tujuan penyelidikan sains.

Langkah yang penting sekarang ialah mengumpulkan nama buah-buahan yang masih menggunakan istilah tempatan di negara-negara Melayu. Kemudian pakar-pakar bahasa negara-negara terlibat hendaklah bekerjasama bagi mendapatkan persetujuan memilih nama buah-buahan yang sama mengikut kesesuaian pertuturan dan pemahaman masyarakat setempat. Usaha seperti ini juga dapat mempertingkatkan lagi khazanah bahasa, ilmu dan sastera Melayu sehingga ianya dapat dimajukan, diamalkan dan dimantapkan hingga setaraf dengan bahasa-bahasa moden di dunia sebagai bahasa budaya dan bahasa ilmu moden.

Nama buah-buahan dalam bahasa Melayu yang terpilih hendaklah diterbitkan dan dijadikan bahan penyelidikan untuk masyarakat terutama sekali di kalangan generasi muda supaya penggunaannya kekal, serta sehati dalam kehidupan orang Melayu dan tidak akan pupus seperti bahasa Sanskrit dan Latin.

Jadual 1 Nama buah-buahan dalam bahasa Brunei, Inggeris, Indonesia dan Malaysia

Keluarga	Nama Botani	Inggeris	Bahasa Brunei	Bahasa Malaysia	Bahasa Indonesia
Anacardiaceae	Magnifera Cacsia Jack	Binjai	Binjai	Binjai	Kemanga Binjai
	Magnifera Panjang	Bambangan	Mambangan	Bambangan	Asem Payang
Annonaceae	Annona Muricata L.	Sour-sop	Durian Salat	Durian Belanda	Sirasak Nangka Belanda
Bombacaceae	Durio zibethnius Murr.	Durian	Durian	Durian	Durian
Caricaceae	Carica Papaya L.	Papaya	Kapayas	Papaya	Papaya
Cucurbitace	Citrullus Lanatus (Thumt.) Mansf.	Watermelon	Sikoi	Tembikai	Semangka
Guttiferae	Carcinia mangosteen	Mangosteen	Manggusta	Manggis	Manggis
Meliaceae	Sendoricum, Koetjape (Burm.f) Merr	Santol	Santol	Sentul kecap	Kecapi ketuat

Moraceae	Artocarpus altilis Var.	Breadnut	Kamangsi	Kamansi	Kelur/timbul
	Artocarpus odoratissimus Blanco	Tarap Marang	Tarap	Terap/Marang	Benda Marang
	Artocarpus Interger (Thumb.) Merr	Cempedak	Tibadak	Cempedak	Cempedak
Myrtaceae	Psidium guajava	Guava	Biabas/Jambu Batu	Jambu biji	Jambu biji
Rutaceae	Citrus Sinensis Osborne	Orange	Limau Manis	Cho chula	Jeruk Manis
Sapindaceae	Eurphoria Malaiense (Griff.) Stend	Cat's eyes	Mahanu/Mata Kucing	Mata Kucing	Buku

Jadual 2 Nama buah-buahan bersifat dialek dan loghat mengikut puak bangsa yang terdapat di Negara Brunei Darussalam

Nama Botani	Kedayan	Dusun	Murut	Tutong	Belait	Iban
Magnifera foetia Lour	Belunu	Besini	Bidai	Assam	Beluno	Kemantan
Magnifera Lagenifera	Binjai	Kerusop		Benyo	Benyo	Lanyat

Durio species	Durian burong, Durian hutan	Lalit, Lalit manok	Lapun, Lapun ada	Mantoi	Durian burong	Rian burong
Durio graveolens Becc	Durian Kuning, Durian Otak, Nanggalah, Durian Simpor	Lalit, Lalit manok	Lapun ada	Mantoi	Kala	Durian Isa Durian Kuning
Durio Oxleyanus	Durian Sukang	Durian Sukang	Bata	Mantoi	Mali	Issu
Durio testudinarum	Durian Kura-Kura	Lapun	Ruas Lapun Bu	Durian Kura-Kura	Poong	Durian Kura-Kura Durian Kulu, Nyaka
Durio zibetgubus Murray	Durian Putih	Lalit Pujahat	Lapun ada	Kebidek	Birjin	Rian burong
Garcinia tetradra picerre	Assam Aur-Aur	Assam buah		Asam Aur-Aur		Kendong
Lansium domesticum correa	Langsat	Lanchat	Lingar	Longsut		Langsat Kera Langsat Berok

Nephilium Species	Arut, Lakang, Nanggalau, Meritam, Ketidahan, Bayong, Mendanyat Sungkit, Meritam	Lakong, Engalah, Meratom, Ladahan, Rembukut, Bantut, Sangang	Arut Bungutuloh	Arut Lakang, Metitam Sidir, Lok Meritam	Perepan, Pedaun, Rambai, Retanyid, Metaik Jokit	Sibau, Sibau Dara, Siambing, Mertapang, Titidong, Gelumut, Nunut, Sengarlang, Punyong, Mujau- Mujau, Jerut Mertiam Kedabang Parih, Perapahit, Kalas Melayan
----------------------	---	--	--------------------	--	--	--

Rujukan : Hassan Pukul & Ashton P.S (D). *A Check list of Brunei Trees.*

Brunei Museum Brunei.

Tinggal S (1992). *Brunei Darussalam Fruits in colour,*

Universiti Brunei Darussalam.

Bibliografi

Kwee L. T. & Sijam Kamaruzaman (1990). *Penyakit*

Tanaman Durian,

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kementerian Pendidikan, Malaysia,

Sahadevan, s. (1990). *The exotic fruits of Malaysia*,
Sahadevan Publications Sdn. Bhd.
Seremban, Negeri Sembilan
Malaysia

Weevers-Carter, w. (1984). *Riches of the Rain Forest*,
Oxford University Press, Singapore.